

11 November 2021
KENYATAAN MEDIA

PUSPAKOM MENUJU KE ARAH PENGGUNAAN TRANSAKSI TANPA TUNAI SEPENUHNYA

Shah Alam, 11 November 2021 – Pengenalan urusanniaga pembayaran tanpa tunai dengan e-dompot, serta penghasilan laporan pemeriksaan dan resit tanpa kertas di pusat-pusat pemeriksaan oleh PUSPAKOM Sdn Bhd (PUSPAKOM) sejak bulan April lalu telah mendapat sambutan memberangsangkan daripada pelanggan. Data menunjukkan di pusat-pusat pemeriksaan PUSPAKOM, 91% transaksi tanpa tunai daripada hampir 1 juta transaksi pemeriksaan kenderaan telah dicatat sehingga suku ke-tiga tahun ini.

Mod urusanniaga tanpa tunai dan e-dompot membawa banyak kelebihan lain, seperti keselamatan kepada pengguna dan kepada PUSPAKOM, selain mengurangkan transmisi kuman atau virus yang mungkin berlaku dalam transaksi tunai. Selain menggalakkan transaksi tanpa sentuh, pelaksanaan transaksi tanpa tunai ini menjimatkan masa dan memastikan transaksi yang lebih selamat.

Oleh itu, mod ini akan diperluaskan ke perkhidmatan mobile bergerak termasuk trak dan van PUSPAKOM pada masa yang terdekat. PUSPAKOM menjangkakan 100 peratus penggunaan transaksi tanpa tunai di kalangan pelanggan akan dicapai pada suku pertama tahun 2022.

Shukor Ismail, Ketua Pegawai Eksekutif PUSPAKOM mahu lebih ramai pengguna perkhidmatan PUSPAKOM menggunakan mod tanpa tunai dan e-dompot ini.

“Kadar penggunaan transaksi tanpa tunai yang semakin meningkat di PUSPAKOM menunjukkan penerimaan e-pembayaran di kalangan pelanggan sangat menggalakkan. Selain kad debit dan kad kredit, PUSPAKOM juga memberikan pilihan pelbagai e-dompot termasuk PUSPAKOM e-wallet, Maybank QRPay, GrabPay, Touch ‘n Go eWallet, Boost, WeChat Pay dan Alipay di semua pusat pemeriksaan PUSPAKOM. Tiada alasan lagi sebenarnya untuk tidak menggunakan mod transaksi moden ini,” jelas Shukor.

Inisiatif ini juga sejajar dengan langkah Kerajaan yang giat mempromosi penggunaan e-pembayaran dalam kalangan pengguna dan peniaga bagi merencanakan lagi transaksi digital yang mudah dan selamat, dan meningkatkan keberkesanan sistem e-pembayaran di Malaysia. Selari dengan ini, usaha mendigitalisasikan segala urusan di PUSPAKOM dari temujanji dalam talian untuk pemeriksaan kenderaan, pembayaran yuran pemeriksaan dan pembaharuan insuran tanpa tunai, pemeriksaan kenderaan secara berkomputer juga terus meningkat.

Untuk maklumat lanjut, orang ramai boleh menghubungi Pusat Khidmat Pelanggan PUSPAKOM di talian 03-5101 7000 atau Live Chat di www.puspakom.com.my atau mengikuti Facebook rasmi PUSPAKOM Sdn Bhd.

-TAMAT-

MENGENAI PUSPAKOM

Puspakom Sdn Bhd (PUSPAKOM) merupakan syarikat pemeriksaan kenderaan yang pertama dan satu-satunya yang dilantik oleh Kerajaan Malaysia untuk menjalankan semua pemeriksaan mandatori bagi kedua-dua kenderaan komersial dan persendirian. Ditubuhkan pada tahun 1994, kami adalah anak syarikat milik penuh DRB-HICOM Berhad.

Peranan utama kami adalah untuk menjalankan pemeriksaan ke atas kenderaan untuk membantu pemilik kenderaan dalam memastikan kenderaan berada di dalam keadaan yang selamat untuk dipandu di atas jalan raya serta memastikan pemilik kenderaan mematuhi peraturan-peraturan dalam memelihara alam sekitar melalui ujian pelepasan asap. Ini akan dilakukan melalui pemeriksaan yang ketat dan teliti terhadap kenderaan untuk memastikan mereka mematuhi peraturan keselamatan Kerajaan.

Setiap tahun, PUSPAKOM menjalankan lebih daripada 3 juta pemeriksaan kenderaan. PUSPAKOM mempunyai rangkaian di seluruh negara di 54 pusat pemeriksaan yang dilengkapi peralatan yang diiktiraf dan dikalibrasi oleh pihak berkaitan dari semasa ke semasa. Selain itu, PUSPAKOM juga mempunyai lebih daripada 25 pemeriksaan secara lawatan yang menyediakan perkhidmatan pemeriksaan kenderaan di kawasan kurang penduduk dan di luar bandar.

Perkhidmatan Pemeriksaan Bergerak PUSPAKOM terdiri daripada Unit Bergerak Trak, Unit Bergerak Van dan Unit Bergerak Ringan, menyediakan perkhidmatan pemeriksaan kenderaan dari pintu ke pintu kepada pelanggan individu dan korporat kami. Kami bangga memberikan perkhidmatan pemeriksaan kenderaan yang cepat, cekap dan tepat secara profesional.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Leong Pei Yee

Ketua, Jabatan Komunikasi dan Khidmat Pelanggan
PUSPAKOM
Tel: 03-2052 7465

Eily

Jabatan Komunikasi dan Khidmat Pelanggan
PUSPAKOM
Tel: 03-2052 7322

Mohd Izzat Intanjudin

Eksekutif Kanan, Jabatan Komunikasi dan Khidmat Pelanggan
PUSPAKOM
Tel: 03-2052 7464